MESTI BACA

Pemadam Kebakaran

1. Alat pemadam kebakaran merupakan sejenis alat yang digunakan untuk **mengawal** atau **memadamkan kebakaran**.
2. Kebakaran boleh dibahagikan kepada beberapa **jenis**.
   (a) Kelas A
   - Melibatkan bahan api mudah terbakar jenis **pepejal**
   - Jenis alat pemadam: Air, buih, serbuk kering

   (b) Kelas B
   - Melibatkan jenis **cecair**
   - Jenis alat pemadam: Buih, serbuk kering, karbon dioksida

   (c) Kelas C
   - Melibatkan **gas**
   - Jenis alat pemadam: Serbuk kering, karbon dioksida

   (d) Kelas D
   - Melibatkan **logam**
   - Jenis alat pemadam: Serbuk kering

   (e) Kelas E
   - Melibatkan **peralatan elektrik**
   - Jenis alat pemadam: Serbuk kering, karbon dioksida

   (f) Kelas F
   - Melibatkan **lemak** dan **minyak masak**
   - Jenis alat pemadam: Serbuk kering, karbon dioksida
3. **Pemadam api ABC** digunakan untuk semua jenis kebakaran kecuali kebakaran yang disebabkan oleh logam dan gas.
4. **Selimut kebakaran** digunakan untuk memadamkan api pada badan mangsa kebakaran dengan menyelimuti badan mangsa.

JAWAB

KERTAS 1

1. Rajah di bawah menunjukkan satu alat pemadam kebakaran.



Apakah jenis kebakaran yang boleh dipadamkan dengan menggunakan alat pemadam di atas?

A Bahan pepejal **B** Cecair
C Gas **D** Peralatan elektrik

2. Apakah jenis alat pemadam kebakaran yang sesuai digunakan untuk memadamkan semua jenis kebakaran?

A Alat pemadam kebakaran jenis air
B Alat pemadam kebakaran jenis karbon dioksida
C Alat pemadam kebakaran jenis buih
D Alat pemadam kebakaran jenis serbuk kering

3. Antara alat pemadam kebakaran berikut, yang manakah boleh digunakan untuk memadamkan kebakaran yang melibatkan aluminium?

A Air
B Buih
C Serbuk kering
D Karbon dioksida

4. Apakah kelas jenis kebakaran yang melibatkan minyak masak?

A Kelas A **B** Kelas B
C Kelas D **D** Kelas F

5. Antara alat pemadam kebakaran berikut, yang manakah sesuai digunakan untuk memadamkan api pada badan mangsa kebakaran

A Pemadam api ABC
B Selimut kebakaran
C Air
D Pasir

LIVEWORKSHEETS